



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JULAI 2026



## JAUHI RIBA

17 JULAI 2026M / 2 SAFAR 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Amalan riba semakin berleluasa dalam kehidupan masyarakat hari ini. Riba merupakan dosa besar yang diisytiharkan perang oleh Allah ﷻ dan Rasul-Nya sebagaimana firman Allah ﷻ dalam surah al-Baqarah ayat 278-279:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَإِن تُبْتِغُوا فَلََكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) jika kamu orang yang beriman. Jika kamu tidak mahu melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah, bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (daripada pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.”

Tiada dosa lain yang disebut dengan ancaman “Perang daripada Allah dan Rasul-Nya” selain riba. Ini menunjukkan betapa besarnya bahaya riba kepada kehidupan manusia dan kestabilan masyarakat. Riba diharamkan kerana ia mengandungi unsur penindasan dan kezaliman. Allah ﷻ melaknat pengamal riba



sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim;

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكِلَ الرَّبَا، وَمُؤَكِّلَهُ، وَكَاتِبَهُ، وَشَاهِدِيهِ،  
وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ

**Yang bermaksud:** “Rasulullah ﷺ melaknat pemakan riba, pemberi riba, penulisnya dan dua orang saksinya, dan Baginda bersabda: Mereka semuanya sama.”

Hadis ini menunjukkan bahawa semua pihak yang terlibat dalam urusan riba turut mendapat dosa dan kemurkaan Allah ﷻ.

### **Sidang Jumaat yang dihormati**

Riba berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud tambahan, peningkatan atau pertumbuhan. Dalam konteks Islam, riba merujuk kepada dua pengamalan, pertama pertambahan bayaran disebabkan penangguhan pembayaran pinjaman atau hutang (riba nasi'ah). Kedua, urusan jual beli barang ribawi yang tidak mengikut syarat-syarat yang dibenarkan (riba al-buyu') iaitu mesti sama kadar dan penyerahan barang jualan dan harga secara serta merta (lani).

Riba nasi'ah (riba hutang) berlaku apabila lebihan atau keuntungan yang dikenakan dalam pinjaman seperti seseorang meminjam wang RM10,000 kemudian perlu membayar balik pinjamannya sebanyak RM13,000 pada tempoh tertentu.



Lebih RM3000 itulah dinamakan riba. Manakala riba jual beli (riba al-buyu') berlaku, antaranya ketika pertukaran mata wang. Contohnya, serah terima (taqabud) ketika pertukaran Ringgit Malaysia dan Saudi Rial hendaklah berlaku secara serta merta (tanpa bertanggung). Contohnya lagi pertukaran bijirin makanan seperti beras dengan beras yang berlainan jenis masih diwajibkan sama timbangan dan serah terima serta merta. Perbezaan timbangan atau penangguhan bayaran, boleh membawa kepada riba sebagaimana sabda Nabi ﷺ dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

*“Tukar emas dengan emas, perak dengan perak, bijirin gandum dengan bijirin gandum, bijirin barli dengan bijirin barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, hendaklah sama kadar dan serta merta. Sekiranya berbeza jenis-jenisnya, berjual beli lah sebagaimana engkau sukai selama mana serah terima secara tunai”*

Oleh itu, pilihlah sistem kewangan dan perbankan Islam ketika menguruskan kewangan bagi mengelakkan sistem berasaskan riba. Pada masa yang sama, jauhilah skim-skim pelaburan ribawi seperti Forex online, emas online yang tidak diperakui oleh penasihat syariah yang diiktiraf, skim meminjam emas dengan menawarkan faedah ribawi yang berbentuk pulangan kembali emas dan faedah lain, dan skim lain yang menipu pengguna.



### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah ﷻ**

Riba bukan sahaja merosakkan keberkatan hidup individu, bahkan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat. Riba menyebabkan peniaga terus dibebani hutang yang bertambah kerana pemberi modal tidak berkongsi risiko sesuatu perniagaan. Mereka terpaksa membayar lebih daripada kemampuan sehingga hidup dalam tekanan dan kesusahan.

Riba menghilangkan keberkatan harta. Walaupun harta bertambah secara zahir, namun kehidupan menjadi sempit dan hati tidak tenang. Demikian juga, kebanyakan krisis kewangan sejagat yang dialami berpunca daripada amalan riba. Walaupun begitu, masalah ini telah membuka mata masyarakat dunia kepada potensi sebenar kejayaan sistem kewangan dan perbankan Islam. Sistem ini berasaskan kepada perkongsian risiko dan urusan jual beli tanpa riba dan dilaksanakan di Malaysia dan seluruh dunia dengan jayanya. Sistem ini mampu menangani kemelesetan ekonomi dan sewajarnya menjadi alternatif kepada umat Islam di seluruh dunia.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ**

Mengakhiri khutbah hari ini dapatlah disimpulkan bahawa riba boleh membawa kepada perkara-perkara berikut;

Petama; Riba membawa kepada penindasan dan kezaliman kepada peminjam dan mereka yang dalam kesusahan kewangan.



Kedua; Riba boleh melebarkan jurang antara golongan kaya dan miskin.

Ketiga; Riba boleh menghilangkan keberkatan kepada harta yang dimiliki kerana diperangi oleh Allah ﷻ dan Rasul-Nya.

Keempat; Riba meruntuhkan nilai kemanusiaan dan melahirkan masyarakat yang mementingkan keuntungan tanpa belas kasihan terhadap kesusahan orang lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.